



Rujukan kami : JKSP.600 - 1/3/2 (58)  
Tarikh : 03 Disember 2021  
28 Rabiulakhir 1443H

Yang Arif Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah  
Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah  
Ketua Pendaftar/Pendaftar  
Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif/Tuan/Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 2 TAHUN 2021  
ETIKA DAN PEMATUHAN HAKIM SYARIE**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim, dan Pendaftar kepada keputusan Muzakarah Pegawai-Pegawai Syariah Bilangan 2 Tahun 2021 pada 03 Disember 2021 telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan berhubung Etika dan Pematuhan Hakim Syarie dan akan terpakai ke atas semua Hakim-Hakim Syarie. Etika dan Pematuhan Hakim Syarie seperti di lampiran.

Arahan ini berkuat kuasa pada 03 Disember 2021.

(DATO' MUHAMAD ABDUL KARIM BIN WAHAB)  
Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah  
Negeri Pulau Pinang



## LAMPIRAN

### ETIKA DAN PEMATUHAN HAKIM SYARIE

Ketua Hakim Syarie menetapkan etika dan pematuhan Hakim Syarie yang berikut:

#### **Nama**

1. Pekeliling ini bolehlah dinamakan Etika dan Pematuhan Hakim Syarie.

#### **Pemakaian**

2. (1) Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan standard asas untuk mengawal tatacara kelakuan Hakim Syarie dan menjadi panduan kepada Hakim Syarie dalam membentuk dan memelihara budi pekerti dan tatacara kelakuan hakim yang tinggi.

(2) Pekeliling ini hendaklah terpakai kepada Hakim Syarie sepanjang tempoh perkhidmatannya.

#### **Kewajipan mematuhi pekeliling**

3. (1) Hakim Syarie hendaklah mematuhi pekeliling yang ditetapkan dalam etika ini.

(2) Pelanggaran mana-mana etika yang ditetapkan dalam pekeliling ini boleh menyebabkan seseorang Hakim Syarie dikenakan tindakan tatatertib mengikut Peraturan - Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

#### **Etika di luar Mahkamah**

4. Hakim Syarie tidak boleh :

(a) berkelakuan dengan sedemikian cara yang mungkin menyebabkan syak munasabah bahawa :

(i) dia telah membiarkan kepentingan persendiriannya bercanggah dengan tugas kehakimannya hingga menjejaskan kedudukannya sebagai seorang Hakim Syarie; atau

(ii) dia telah menggunakan kedudukan kehakimannya bagi faedahnya sendiri;

(b) berkelakuan dengan cara tidak jujur atau dengan sedemikian cara hingga memburukkan atau boleh memburukkan atau mencemarkan nama Mahkamah Syariah;

(c) membelakangkan tugas kehakimannya demi kepentingan peribadinya;

(d) bergaul bebas dengan orang ramai dengan cara yang boleh menimbulkan syak tentang keupayaannya untuk berlaku adil dalam tugas kehakiman;

(e) menerima apa-apa hadiah dengan apa-apa cara berkaitan dengan pelaksanaan tugas kehakimannya:

(f) mengusahakan bagi mendapatkan upah apa-apa kerja bagi mana-mana institusi, syarikat, firma atau individu tanpa diberi keizinan atau kebenaran yang nyata oleh Ketua Hakim Syarie;

(g) memberi pendapat mengenai sesuatu perkara atau keadaan yang ia sedang dibicarakan atau berkemungkinan akan menjadi suatu isu dalam mana-mana perbincangan di hadapannya, kerana pendapatnya itu boleh digunakan oleh sesuatu pihak untuk menyokong hujahnya;

(h) meminjam wang daripada mana-mana orang atau menjadi penjamin kepada mana-mana peminjam, atau dengan apa-apa cara meletakkan dirinya di bawah suatu obligasi kewangan kepada mana-mana orang :

(i) yang secara langsung atau tidak langsung tertakluk kepada kuasa kehakimannya;

(ii) yang dengannya dia ada atau mungkin ada urusan rasmi; atau

(iii) mengambil bahagian dalam aktiviti parti politik.

### **Etika dalam Mahkamah**

5. Apabila Hakim Syarie berada dalam Mahkamah dan mendengar sesuatu kes , dia hendaklah :

(a) melaksanakan keadilan sebagaimana yang dikehendaki oleh Hukum Syarak;

(b) menjalankan tugas mengikut Hukum Syarak dan memberi penghakimannya berdasarkan undang-undang berkaitan;

(c) tidak mendengar sesuatu kes apabila dia berkeadaan tidak tenang seumpama dia berkeadaan marah, lapar, haus, mengantuk, letih dan tidak sihat;

(d) tidak boleh meninggalkan Mahkamahnya pada waktu pejabat tanpa alasan yang munasabah atau tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan daripada Ketua Hakim Syarie;

(e) memberi penghakimannya apabila dia berkeadaan tenang;

(f) tidak membicarakan apa-apa kes di mana pihak yang terlibat itu ialah musuhnya atau orang lain yang berkemungkinan akan mempengaruhi tugas kehakimannya sebagai Hakim Syarie;

(g) bertindak tegas, adil dan tidak dipengaruhi oleh keadaan atau orang yang hadir di hadapannya;

(h) bersifat terbuka dan sabar semasa mendengar keterangan dan hujah-hujah dari pihak-pihak;

(i) memastikan prosiding di Mahkamah dijalankan dengan teratur menurut peraturan Mahkamah dan mengawal keadaan supaya perbicaraan itu dapat berjalan dengan lancar;

(j) menggalakkan pihak-pihak menyelesaikan pertelingkahan mereka dan mencapai persetujuan secara sulh dalam kes-kes mal di mana-mana peringkat sebelum dia memberi penghakiman;

(k) memuliakan saksi-saksi;

(l) memberi layanan sama rata kepada pihak-pihak dan peguam-peguam; dan

(m) mengadakan perbicaraan dalam Mahkamah terbuka kecuali di dalam keadaan khas yang dibenarkan oleh undang-undang.

### **Penyegeraan penyelesaian kes**

6. Hakim hendaklah bersungguh-sungguh dan tidak melengah-lengahkan masa tanpa alasan yang munasabah untuk menyelesaikan kes-kes, memberi keputusan, menulis alasan penghakiman dan mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Hakim Syarie dari semasa ke semasa.

### **Waktu pejabat**

7. Bagi maksud subperenggan 5(d) "waktu pejabat" ertinya waktu pejabat yang ditetapkan oleh kerajaan negeri.

### **Pengisytiharaan harta**

8. Hakim syarie hendaklah pada masa pelantikannya atau pada bila-bila masa selepas itu mengisytiharkan harta kepada Ketua Hakim Syarie mengikut peraturan-peraturan yang terpakai.